

## GURU-GURU MELAYU DALAM POLITIK MELAKA HINGGA 1955

Oleh  
*Abdul Aziz Mat Ton*

### *Pengenalan*

Dalam tulisan mengenang kembali kejayaan PERIKATAN dalam Pilihanraya Nasional yang pertama pada 1955, Tunku Abdul Rahman Putra merakamkan pandangannya tentang kejayaan itu sebagai berikut;

The Malay teachers in particular risked a great deal in supporting the Alliance. They were the spearhead of our campaign in the most remote areas, so they felt a great sense of relief when the Alliance won, for if the party had failed they realised they would have had to pay the piper.<sup>1</sup>

Kenyataan yang dibuat oleh Tunku yang memberi sanjungan luar biasa kepada guru-guru Melayu ini mungkin ganjil untuk masyarakat asing atau mereka yang asing dengan perjuangan kemerdekaan negara ini. Persoalan-persoalan boleh timbul yang antaranya: (i) mengapa guru boleh terlibat begitu jauh dalam politik? (ii) bagaimana mereka terlibat? (iii) bagaimana mereka menjadi berpengaruh sehingga memberi kejayaan yang diberi sanjungan begitu, dan beberapa soalan seumpamanya.

Tulisan ini tidaklah mungkin dapat memperincikan perkembangan perguruan dan pemolitikan mereka tetapi sekadar menggariskan dengan kasar perkembangan yang berlaku. Ia tidaklah semestinya pula menjawab seluruh persoalan yang dikemukakan di atas. Elok juga ditegaskan di sini bahawa pemilihan tajuk sebagaimana yang dikemukakan di atas banyak disebabkan untuk

---

<sup>1</sup>Lihat Tunku Abdul Rahman Putra, *Looking Back*, Kuala Lumpur, 1977, 53.

memudahkan penelitian. Sementara itu mungkin lebih baik meneliti benda-benda yang nampaknya kecil tetapi dapat mempelajarinya lebih bermakna, daripada melihat benda yang besar yang sudah dipelajari ertian atau kepentingannya.

Walaupun pada dasarnya tulisan ini cuba membuat rujukan istimewa kepada kegiatan dan keterlibatan guru-guru Melayu Melaka, pada aspek membincangkan latarbelakang golongan guru-guru Melayu ini, tinjauan umum diberi kepada perkembangan pendidikan dan kemasyarakatan Melayu secara umum sekali. Hal ini tidak dapat diabaikan begitu sahaja kerana mahu atau tidak mahu haruslah diinsafi bahawa tindakan manusia banyak dibentuk oleh keadaan sekitarnya. Dengan pemahaman unsur ini dapatlah rasanya lebih mendalam difahami gejala-gejala yang timbul dalam satu-satu pelakuan sejarah.

Selanjutnya penumpuan perhatian ditumpukan kepada beberapa unsur yang lebih penting - selain daripada persekitaran sosio-budaya seperti peranan institusi pendidikan kepada perguruan itu. Tentulah susah dalam perbincangan yang terhad ini untuk mengkaji dengan lebih teliti, terutama jumlah orang yang terlibat sepenuhnya. Oleh yang demikian, tokoh-tokoh itu disentuh secara sambil lalu saja. Begitulah juga hal yang terpaksa dilakukan terhadap penelitian mengenai cita-cita perjuangan mereka. Bagaimanapun diharapkan perbincangan lanjut akan menolong menjelaskan beberapa kekaburan.

Haruslah disebutkan juga bahawa apa yang dimaksudkan dengan guru-guru Melayu di sini ialah guru-guru yang lulus dari sekolah Melayu dan kemudiannya dilatih sebagai guru untuk sekolah Melayu. Walaupun ada sentuhan kepada lulusan sekolah Inggeris, sentuhan itu sekadarkan menyebutkan pentingnya mereka itu kepada guru Melayu.

### **Persekitaran sosio-budaya guru Melayu**

Guru Melayu bolehlah dikatakan keseluruhannya hasil dari persekolah Melayu. Mengenai sekolah Melayu ini tidaklah perlu lagi diperbincangkan secara terperinci kerana telah banyak ditulis bahkan di dalam bentuk ilmiah<sup>2</sup> Bagaimanapun, sebagai rangka

<sup>2</sup>Antaranya lihat, Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur, 1974; Chelliah, *A Short History of Education Policy*, Singapore, 1960; Wong Hoy Kee et. al., *Education in Malaya*, Kuala Lumpur, 1971 dan beberapa Latihan Ilmiah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

rujukan eloklah dibayangkan dalam rumusan yang seringkas-ringkasnya.

Sekolah Melayu berkembang sejak suku awal kurun ke-19 hasil kesedaran kelompok beberapa masyarakat Melayu akibat daripada pertembungan unsur tradisi dengan pendidikan luar masyarakat Melayu sendiri. Perbezaan yang nyata terdapat pada sistem persekolahan dan pembelajaran serta kurikulumnya. Walaupun sejarah permulaannya menempuh banyak kerumitan, ianya menjadi bertambah-tambah popular menjelang pertengahan kurun ke-20. Pada umumnya, ramai sarjana mempercayai, istimewa oleh kerana ianya digalakkan oleh pemerintahan kolonial, maka dasarnya sering disebutkan sebagai untuk mengelakkan orang Melayu daripada menjadi mangsa 'penipuan' dan meningkatkan ilmu pengetahuan. Namun demikian, ini tidaklah bermakna pemerintah kolonial itu cuba membawa masyarakat Melayu yang dilahirkan oleh sekolah Melayu itu keluar dari kongkongan tradisi dan budaya asalnya.

Guru Melayu adalah hasil daripada sistem dan kehendak pencipta sekolah itu. Mungkin lebih penting diberi perhatian di sini ialah unsur kekampungan guru-guru itu secara majoritinya. Mereka dididik dan dibesarkan dalam tradisi kampung. Walaupun memang banyak - tetapi tidak dapat dianggap majoriti - sekolah Melayu di bandar-bandar, namun murid dan guru Melayu masih kekal dalam kepaduan sosio-budaya Melayu. Dalam kata lain, *idiosyncrasy* kemelayuan mereka masih dapat dikenali jika dibandingkan dengan lahiran sekolah-sekolah Inggeris atau mungkin juga sekolah pondok atau sekolah Arab. Hal ini mungkin akibat daripada terlalu kurangnya unsur-unsur luar budaya Melayu meresap ke dalamnya seperti guru bukan-Melayu dan pengenalan mendalam terhadap unsur kebudayaan asing termasuk bahan-bahan bacaannya.<sup>3</sup>

Seperti yang telah dibayangkan, sekolah Melayu terus berkembang di sebalik kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangannya. Hal ini menjelaskan, antara lainnya, masyarakat Melayu telah menghargai sekurang-kurangnya sistem itu dan ilmu pengetahuan yang disibarkannya walaupun ianya disebutkan sebagai sekolah yang mengajarkan membaca, menulis dan mengira

<sup>3</sup>Pendapat ini berdasarkan perbandingan jika dilakukan terhadap sekolah Inggeris yang banyak buku teksnya membincang atau menceritakan tentang hal-hal dan dongeng-dongeng masyarakat Inggeris. Mengenai buku-buku bacaan di Sekolah-sekolah Melayu lihat tulisan, Abdullah Sanusi Alimad, *Peranan Pejabat Karang Mengarang*, Kuala Lumpur, 1966.

yang rendah-rendah. Evolusi pendidikan di Sekolah Melayu ini mungkin juga menjadi lebih bernilai dengan pengenalan beberapa mata pelajaran baru atau perkembangan kurikulumnya menjelang Perang Dunia II. Agak tidak keterlaluan juga jika diandaikan bahawa menjelang tempoh itu sekolah Melayu sudah menjadi 'teras' pendidikan orang-orang Melayu.

Bagaimanapun haruslah diinsafi bahawa perkembangan ini tidaklah merata ke seluruh Semenanjung. Hal ini memang ada kaitannya dengan perkembangan pemerintahan British di sini. Selaras dengan perkembangan politik (pemerintahan) British itu dapatalah digariskan perkembangan sekolah Melayu menjadi maju kerana proses masa-sejarahnya tersendiri. Garis pertama, umpamanya kemajuan yang ketara ialah di Negeri-negeri Selat. Kemudian diikuti oleh Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan akhirnya Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Perkembangan sekolah Melayu ini boleh juga digunakan sebagai petunjuk perkembangan sosial yang lain kerana pendidikan umum merupakan unsur yang amat penting dalam menentukan pembentukan perkembangan sesuatu masyarakat. Dalam hal ini, beberapa perbezaan pandangan masyarakat mungkin dapat ditunjukkan di antara tiga unit politik yang wujud pada kurun ke-19 hingga pertengahan kurun ke-20 yang perkembangannya memang tidak selari. Sementara perubahan di Negeri-negeri Selat telah berjalan sejak sekurang-kurangnya 1824, hanya selepas 1874 'pendedahan' yang lebih berkesan berlaku di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan awal kurun ke-20 baru pendedahan itu lebih menyeluruh di Negeri-Negeri Melayu Tak Bersekutu. Walaupun pembahagian ini bersifat terlalu sewenang (*arbitrary*) namun sedikit sebanyak ia menolong menjelaskan mengapa terdapat perbezaan-perbezaan *ethos* atau *idiosyncrasy* kelompok-kelompok masyarakat Melayu Semenanjung dalam edah ini. Sebagai contohnya, sementara pendidikan pondok masih dalam kemasyhorannya di NMTB, di Negeri-Negeri Selat ianya sudah menjadi sesuatu yang anakronistik (ketinggalan zaman) dan telah digantikan pula oleh madrasah. Di NMB pula, pondok sudah mula beransur hilang.

Hal ini membayangkan betapa arus zaman telah mengubah nilai-nilai hidup yang membentuk pandangan dan tindakan mereka. Dalam hal yang berkait dengan status guru Melayu, oleh kerana terdapat banyak keserupaan pandangan 'moden' di samping nilai ekonomi lulusan sekolah Inggeris, untuk beberapa kawasan, lulusan sekolah Melayu dan Inggeris lebih serupa daripada pandangan dan nilai-nilai lulusan pondok yang selalu mendapat jolokan

'lebai'. Sedangkan lulusan Madrasah pula, agak 'istimewa' kedudukannya, kerana kemampuannya sekurang-kurangnya memahami bahasa Inggeris, terbuka kepada pemikiran politik antarabangsa istimewa di Asia Barat dan boleh berbahasa Arab dan dapat mengupas perundangan Islam melalui semangat ijtihad yang telah hampir setengah abad dicanangkan.

Kemerosotan institusi pondok boleh dikatakan sebagai kesan daripada kemunculan madrasah-madrasah yang daya utamanya telah diusahakan oleh gerakan Kaum Muda. Di sebalik pertentangan dua corak pemikiran (Kaum Tua yang biasanya berpusat di pondok-pondok dan Kaum Muda di madrasah-madrasah), sistem pelajaran di pondok-pondok kurang cergas dalam memperkembangkan cara berfikir dan berhujah untuk mengupas masalah umum orang Melayu. Ada banyak ulasan yang menyerupai pendapat yang mengatakan "tiga bulan belajar di madrasah lebih kurang sama pendapatannya tiga tahun belajar di pondok". Oleh yang demikian tidaklah menghairankan mengapa akhirnya madrasah menguasai pendidikan bercorak Islam di negara ini.

Kegiatan Kaum Muda dalam islahnya, adalah lebih merupakan perjuangan Islam ortodoks, iaitu perjuangan yang menggunakan alasan-alasan agama dengan Quran dan Sunnah. Pada hal-hal keduniaan yang tidak terdapat contoh daripada Quran dan Sunnah mereka menggunakan akal (berijtihad). Begitupun ijtihad itu mengutamakan Quran dan Sunnah sedapat-dapatnya sebagai iktibar atau qias. Dan perlu sekali ditegaskan bahawa kelahiran gerakan ini rapat kaitannya dengan kebimbangan-kebimbangan arus 'secularisme Barat' dan imperialisme mereka. Bagaimanapun Kaum Muda melihat ada tempat-tempatnya idea-idea atau unsur-unsur yang memajukan Barat itu selaras dengan idea Islam dan elok ditiru. Dalam perspektif yang begini, Kaum Muda adalah jalan tengah atau jambatan penghubung kepada 'pure tradisionalism' dengan 'pure secularism'. Itulah mungkin mengapa dalam tahun-tahun 1940-an bahkan menjangkau tahun-tahun 1950-an boleh dikatakan kepimpinan budaya sastera dan politik banyak dikuasai oleh alam fikiran gerakan islah ini. Atau untuk mengatakan yang paling kurangnya, pemimpin-pemimpin sekular lebih banyak mendapat sokongan golongan pemimpin Kaum Muda.

Arus menjadi lebih kencang memukul institusi pondok ialah sekolah Melayu dan sekolah Inggeris. Sejauh peranan sekolah Melayu berkaitan, hal ini amat dirasakan dengan penubuhan Maktab-

maktab Latihan Guru.<sup>4</sup> Walaupun pada peringkat pertamanya dari Teluk Belanga hingga ke Melaka dan Matang, Perak, maktab-maktab ini belum menampakkan bukti-bukti jelas, tetapi kemunculan beberapa tokoh di SITC (ditubuhkan 1922) boleh dikatakan sebagai titik tolak satu edah baru dalam sejarah keterlibatan guru-guru dalam politik. Oleh kerana tulisan ini sebagai mengenangkan atau untuk diabadikan sebagai penelitian terhadap kesedaran dan kegiatan guru-guru Melayu maka selayakannyalah perhatian lebih luas ditumpukan kepada peranan maktab ini dalam aspek ini.

### **Maktab Perguruan Sultan Idris**

Maktab ini selalu dirujuk sebagai induk yang mengandungi bibit semangat kebangsaan Melayu. Kepujian yang diberikan kepada maktab ini sebenarnya banyak disebabkan oleh tulisan W.R. Roff, tulisan yang menumpukan perhatiannya di samping tokoh-tokoh di SITC itu sendiri yang banyak terdapat di dalam tulisan-tulisan bersifat kebudayaan.<sup>5</sup> Tokoh-tokoh yang sudah cukup banyak mendapat perhatian adalah seperti Harun Aminurrashid, Abdul Hadi Hassan, Ibrahim Yaakub, Ab. Ghafar Baba, Senu Ab. Rahman, Syed Nasir Ismail dan lain-lainnya. Sebenarnya, memang terdapat unsur lain yang mungkin lebih bererti dalam menganalisa penilaian terhadap peranan SITC ini. Hanya mempelajari melalui proses sejarah sahaja dapat kita meletakkan penilaian ini dengan lebih saksama.

SITC telah ditubuhkan untuk menyelaras dan memperbaiki sistem perguruan dan seterusnya pendidikan yang dijalankan melalui Sekolah Melayu. Dari segi tenaga pengajarnya, ia adalah campuran pengajar dari Maktab Melaka dan Maktab Matang. Tidak ramai antara mereka yang boleh dikatakan sebagai mempunyai pengaruh politik kecuali Cikgu Abdul Hadi dan Hassan, Harun Mohd. Amin atau Harun Aminurrashid, Za'ba dan Buyong Adil. Seorang

<sup>4</sup>Mengenai Maktab Latihan Guru ini telah diberi perhatian sewajarnya oleh Awang Had Salleh, Pelajaran. Keterangan yang menarik mengenai Maktab Melayu Melaka istimewa. Lihat, Ramlah Adani, *Maktab Melayu Melaka, 1900-1922*, Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972/72.

<sup>5</sup>Lihat W.R. Roff. *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur, 1967. Buku ini telah diterjemahkan ke Bahasa Malaysia dengan memakai judul *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur, 1975. Mengenai MPSI, lihat edisi Melayunya, 181-199, yang membincangkan tokoh-tokoh dan keterlibatan penuntut dalam kesedaran politik. Lihat juga, Awang Had Salleh, Pelajaran.

tokoh lagi, bukan berbangsa Melayu tetapi amat di sanjung oleh sebahagian besar guru-guru lulusan SITC ini ialah O.T. Dussek.

Semasa di bawah pentadbiran O.T. Dussek inilah nampaknya pemolitikan guru-guru Melayu bercambah dan subur. Hubungan-hubungan peribadinya dengan tenaga pengajarnya di samping keasyikannya terhadap kebudayaan Melayu menyebabkan ia menumpukan simpatinya kepada cabaran yang dihadapi oleh bangsa Melayu. Bagaimanapun tokoh-tokoh pendidik Melayu ini tidaklah kekal di sana. Pada 1927, Abdul Hadi bin Hasan sudah dipindahkan dari SITC kerana 'naik pangkat' menjadi Nazir sekolah-sekolah Melayu di Kelantan. Pada 1936 pula, O.T. Dussek sudah dipencenkan di England. Pada penghujung 1939, Harun Aminurrashid dinaikkan pangkat untuk menjadi Pengarah Pelajaran Melayu di Brunei. Dalam tempoh yang lebih kurang sama juga Za'ba berpindah ke Jabatan Penerangan Singapura. Dari siri peristiwa-peristiwa ini, walaupun tanpa bukti konkrit alasan-alasan mereka dikeluarkan dari SITC, nampak seolah-olah jelas ada satu usaha 'membersihkan' SITC dari unsur-unsur pemolitikan penuntutnya. Hal ini lebih amat dirasakan bila kenyataan bahawa ada tokoh-tokoh tenaga pengajar yang lebih efisien dan dedikasi tidak diberi 'naik pangkat' begitu.

Walaupun mereka ini sudah tiada di SITC, nampaknya hasil benih yang tumbuh itu mempunyai sel yang kuat untuk hidup walaupun seperti kerakap di atas batu. Sebahagian daripada bekas-bekas murid mereka menjadi *marginal man*<sup>6</sup> di kampung masing-masing - mereka memimpin masyarakat kampung dan menjadi tempat bertanya dalam berbagai masalah di kampung.

Bersama-sama pengaruh peribadi guru-guru tadi ada pengaruh lain yang mengikut guru-guru di SITC itu. Pengaruh itu ialah pengaruh gerakan semangat kebangsaan Indonesia. Hal ini dikatakan hasil daripada paembacaan yang terdapat di khutub-khanah SITC itu. Walaupun ada kesangsian terhadap kenyataan ini, namun boleh di percayai sekurang-kurangnya guru-guru di SITC itu

---

<sup>6</sup>Konsep *marginal man* yang digunakan di sini bermaksud seseorang yang telah mempunyai pengetahuan yang baik juga dalam kebudayaan asing selain pengetahuan mendalam tentang kebudayaannya sendiri. Secara kasarnya, *marginal man* mempunyai *world view* yang agak berlainan daripada masyarakatnya sendiri. Oleh yang demikian pelakuannya agak berbeza kerana ia memilih unsur luar yang difikirkannya lebih baik daripada amalan anggota masyarakat yang dari mana ia berasal. Kebanyakan dari *marginal man* inilah yang menjadi agen-agen perubahan dalam sesuatu masyarakat. Sukarno, Hatta, Shahrir, Sheikh Tahir Jalaluddin, Za'ba umpamanya dianggap *marginal man* dalam masyarakatnya.

memang terpengaruh dan mempunyai pandangan yang secocok dengan perjuangan politik Indonesia Raya di mana Semenanjung ini sebahagian daripada Negara Melayu.<sup>7</sup> Kemungkinan sangat besar idea Melayu Raya/Indonesia Raya sudah mendapat tempat di situ melalui pembacaan tokoh-tokoh tersebut. Masih belum dapat dipastikan dengan tegasnya apakah guru-guru ini mempunyai hubungan tersendiri dengan tokoh-tokoh politik Indonesia yang lari ke Malaya akibat penindasan Belanda terhadap Kebangkitan Parti Komunis Indonesia 1926/27. Namun, menjelang Perang Dunia II, tulisan tokoh-tokoh tersebut seperti Tan Melaka dan nama Pacar Merah memang ada dalam pengetahuan guru-guru Melayu.

Harus juga diinsafi bahawa pada 1936 satu fenomena baru timbul dalam spektrum iktisas perguruan Melayu. Gejala itu ialah kemunculan Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka. Sekurang-kurangnya pengelahiran maktab ini berdasarkan kepada keperluan-keperluan seperti mengapa SITC di tubuhkan. Kalau begitu, boleh diandaikan beberapa perkembangan telah berlaku dalam masyarakat Melayu yang boleh dikaitkan dengan perkembangan politik mereka.

Mungkin ertian yang paling utama dan pertama ialah dalam tempoh ini tradisi pemingitan perempuan Melayu sudah mula bobos. Tentulah bila menjelang Perang Dunia II, kebocoran ini sudah lebih besar dan empangan itu menjadi hampir pecah bila pendudukan Jepun berlaku. Selain daripada itu, pendidikan yang mereka terima memberi keyakinan dan kebebasan bergerak untuk berjuang.

Kelahiran maktab-maktab perguruan bagi pendidikan Melayu ini memberi peluang kepada kelahiran rasa *esprit de corps* (rasa kekitaan) yang selalunya sensitif untuk digunakan oleh pihak-pihak yang mengambil kesempatan. Maka sekatan-sekatan yang amat ketat dikenakan di maktab-maktab tersebut untuk tokoh-tokoh nasionalis bergerak. Begitu pun, menjelang zaman sebelum merdeka, boleh dikatakan maktab-maktab SITC dan MPPM telah menjadi daya penarik yang kuat kepada lulusan sekolah Melayu. Bersama-sama dengan kemerosotan institusi pondok dan perubahan kemasyarakatan serta pembaikan taraf perkhidmatan guru-gurunya, status guru-guru Melayu istimewanya di kampung-kampung, bertambah kukuh.

<sup>7</sup>Lihat Ibrahim Yaacob, *Melihat Tanah Air*, Kota Bharu, Kelantan, 1941, 12-13.



Seperti termaklum, sekolah Melayu banyak tersebar di kawasan yang dipanggil luar bandar. Dan ke sanalah kebanyakan guru ini telah dihantarkan untuk berkhidmat. Keadaan ini memberi peluang yang amat besar bagi guru-guru Melayu menjadi pemimpin kerana pertandingan untuk menjadi pemimpin adalah nipis. Hal ini mungkin lebih mudah dirasakan dengan membayangkan, sementara kepimpinan agama sudah berlegar di sekitar masalah 'rituals', guru-guru Melayu lebih berfungsi dalam kerja-kerja menyusun dan mentadbirkan kegiatan-kegiatan sosial. Dalam beberapa hal, guru-guru Melayu juga terlibat dalam organisasi keibadatan. Selain dari itu, hal-hal keduniaan, memanglah dunia guru-guru Melayu di kampung-kampung menguruskannya kerana di dalam banyak hal 'lebai-lebai' tidak berani mengambil bahagian kerana takut status lebainya merosot. Umpamanya, adalah sesuatu yang luar biasa seorang lebai akan mengetuai kegiatan drama atau pasukan bola sepak atau yang seumpamanya.

Jika dibandingkan kemungkinan bertanding dengan lulusan sekolah-sekolah Inggeris, istimewanya yang telah lulus Junior Cambridge atau lebih istinewa Senior Cambridge, memang jarang berlaku. Ini akibat daripada keadaan di mana biasanya mereka yang lulus pendidikan ini tinggal di bandar-bandar di tempat mereka ditugaskan. Jumlah mereka ini pula memanglah amat kecil bilangannya. Sementara itu kedapatan pula sebilangan orang dari kumpulan ini, yang oleh beberapa sebab, hidup agak terasing atau mengasingkan dirinya dari persoalan masyarakat Melayu amnya. Tertakluk beberapa kekecualian, golongan ini biasanya mempunyai ethos yang berbeza dengan masyarakat tani. Ada jurang sosial yang memisahkan mereka. Dengan itu guru-guru Melayu lebih hampir dan faham terhadap masyarakat Melayu. Dengan itu komunikasi lebih berkesan jika disampaikan oleh guru-guru Melayu.

### **Keterlibatan Guru-Guru Melayu dalam politik: Kes di Melaka**

Istilah politik pada zaman sebelum Perang Dunia II merupakan sesuatu yang jarang didengar atau dibicara dalam perbincangan umum. Ianya selalu digambarkan sebagai 'momok' yang sangat menakutkan. Oleh yang demikian orang yang cenderung terhadapnya memperkatakannya dengan secara bisik-bisik atau jika ada yang lebih berani akan menggunakan sindiran-sindiran untuk menyampaikan perasaannya. Kegiatan berpolitik dalam zaman

ini - kalau adapun - mestilah dengan jalan gelap. Perbincangan secara berbisik-bisik antara individu-individu di dalam gelap ini memang telah wujud dalam zaman sebelum Perang Dunia II. Politik beginilah yang wujud di SITC yang mempengaruhi penuntut-penuntutnya. Dari sini tersebar rasa kekitaan Melayu Raya dengan sifat-sifat anti-asing yang jelas sebagai ideologi politiknya. Tetapi sejauh mana ideologi itu betul-betul berterap ke dalam cita-cita guru-guru Melayu masih amat susah ditegaskan di sini, kerana 'bisik-bisik' melahirkan banyak salah faham.

Melaka ialah salah sebuah Negeri-Negeri Selat yang telah lama juga berkembangnya pendidikan Melayu. Pada 1865 terdapat sebanyak enam buah sekolah. Penubuhan Maktab Melayu Melaka pada 1900 hingga MPPM pada 1935 mempunyai ertian yang mendalam juga kepada pendidikan Melayu di Melaka. Perkembangan dan kemajuan sekolah Melayu di Melaka sangat ketara jika dibandingkan dengan negri-negeri lain di Semenanjung dalam masa sebelum Perang Dunia II. Begitu juga hingga lepas Perang Dunia II, Melaka terus mendapat layanan yang agak memuaskan dari segi peruntukan kuota memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC). Perangkaan yang diberi oleh *Annual Report on Education, 1947*, yang diturunkan di bawah ini dapat menggambarkan keadaan tersebut:

**Pengambilan Tahunan Penuntut-penuntut MPSI, 1940-1946\***

Negeri	1940	1941	1946
Singapura	8	9	12
Johor	8	10	14
Melaka	13	14	15
Negeri Sembilan	6	9	14
Selangor	11	12	14
Perak	28	28	37
Penang	14	14	18
Kedah	-	-	6
Perlis	2	2	3
Kelantan	3	6	7
Terengganu	-	2	7
Pahang	13	13	17
Brunei	2	3	3

\*Dipadankan dari *Annual Report on Education, 1946*, Kuala Lumpur, 1947. 92

Dari kadar pengambilan serupa ini dan latarbelakang perkembangan pendidikan masyarakat Melayu secara amnya serta perubahan-perubahan sosial yang berlaku, menjelang tahun-tahun 1950-an guru-guru Melayu di Melaka boleh menjadi satu kelompok elit baru yang berpengaruh sekali. Walaupun tidak semuanya guru Melayu lulusan SITC atau MPPM ini mempunyai ideologi yang serupa dan oleh itu mengelompok dalam satu organisasi atau parti yang sama namun semangat perjuangan dan ikhtisas yang serupa banyak menarik ke arah penyatuan daripada perpecahan.

Adalah agak kurang tepat kalau pandangan dan tumpuan tulisan ini semata-mata kepada guru-guru latihan SITC. Sebenarnya, guru-guru Melayu latihan Normal TUOS atau biasa juga disebut guru Latihan Tempatan tidak kurang pentingnya. Mereka ini, dalam banyak contoh, menjadi kader-kader politik Melayu masa itu. Bagaimanapun, agak tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa sebagai kader-kader politik, mereka banyak menerima ilham dari guru-guru mereka yang dilahirkan oleh SITC.<sup>9</sup>

Dalam jalinan atau aliran pengaruh yang begitulah lebih kurang parti politik Melayu yang pertama - Kesatuan Melayu Muda - dilahirkan di Tanah Melayu dan kemudiannya mempunyai cawangan di Melaka. Kesatuan Melayu Muda Melaka (KMMM) telah ditubuhkan pada 3 Ogos 1941 di Sulaiman Restaurant, Wolferaton Road, Melaka.<sup>10</sup> Dikatakan Ibrahim Yaacob, Onan Haji Siraj, Hassan Manan dan Abdullah Kamel, wakil KMM Pusat telah turut hadir dalam perjuangan penubuhan itu. Pengurus KMM Melaka yang telah dipilih dalam penubuhan itu terdiri daripada:

Yang DiPertua:	Cikgu Md. Isa Mahmud
Timbalan Yang DiPertua:	Encik Md. Said Kemat
Setiausaha:	Cikgu Ibrahim Enduk
Bendahari:	Cikgu Ab. Rahim Abu
Pemeriksa Kira-Kira:	Cikgu Md. Yusof Harun

<sup>9</sup>Sejak lepas Perang Dunia II, sebagai cara memenuhi keperluan kekurangan guru-guru Sekolah Melayu, Guru-Guru

Pelatih yang tidak berjaya dalam penulihan ke SITC dilatih di negeri masing-masing pada beberapa pusat latihan. Biasanya guru-guru bekas penuntut SITC di samping Nazir Sekolah-sekolah Melayu menjadi gurunya (pensyarahnya)

<sup>10</sup>Sebahagian besar sejarah politik Melaka zaman Jepun ini diperolehi dari Baharam Azit, "Trajedi Politik Melayu Melaka", Kertas Data, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976/77, di samping temubual dengan Jaamat Idris, Mertlimau, Melaka, November 1978 dan beberapa kali temubual dengan Hj. Ahmad Jamal, Petaling Jaya, Kuala Lumpur pada April 1972 dan 1979.

Jawatankuasa:

Cikgu Othman Shawal  
 Cikgu Ali Bulat  
 Cikgu Bahari bin Wahid  
 Encik Kidam bin Arif  
 Encik Sharif Sukkar  
 Encik Othman Ismail  
 Encik Hashim Hamid

Sejauh yang guru-guru Melayu terlibat dalam KMM Melaka ini jelas golongan mereka memainkan peranan yang penting. Bagaimanapun unsur-unsur lain dalam kepimpinan itu seperti lulusan Inggeris tidak dapat ditolak pentingnya. Dari sini kelihatan yang KMM dikuasai oleh lulusan Melayu dan Inggeris. Dan, pusat kegiatannya di bandar. Keadaan di kampung-kampung masih tidak jelas.

Keadaan yang serupa ini memang gambaran umum kegiatan KMM secara menyeluruh di Semenanjung. Tidak banyak diketahui tentang gerakan dan ideologi mereka selain inginkan kemerdekaan dalam lengkungan Indonesia-Melayu Raya. Dalam beberapa hal KMM memperlihatkan semangat anti-feudal dan berteraskan ideologi sosialisme yang kuat. Sebagai negeri yang telah agak lama hanyutnya beberapa institusi feudalisme, dan guru-guru Melayu merupakan elit baru yang melihat bangsa Melayu yang serba pincang dalam arus pemodenan negeri mereka, agak boleh diterima kenyataan bahawa ramai guru Melayu menyokong Kesatuan Melayu Muda Melaka. Tetapi agak susah diterima jika didakwakan bahawa majoriti mereka anggota KMM.

Sehingga pecah Perang Dunia II pada 8 Disember 1941, KMM adalah gerakan politik yang berjalan dalam gelap. Walaupun begitu penyuluh-penyuluh British dapat mengesan gerakan mereka. Oleh yang demikian, pemimpin-pemimpin mereka telah ditangkap kerana dituduh mengkhianati negara. Tuduhan ini memang berat. Apa yang sebenarnya berlaku, menurut pemimpin-pemimpin KMM ialah mereka mengkhianati Inggeris. Ramai ahli KMM yang menjadi ahli anggota Sayap Kelima Jepun bahkan ada pemimpin-pemimpin tertingginya menjadi penunjuk dan pembuka jalan kepada kemaraan tentera Jepun hingga menyebabkan tentera Jepun tidak menghadapi masalah besar menawan Semenanjung.

Tidaklah semua guru Melayu dapat dianggap berfahaman radikal dan mengikut perjuangan KMM. Penting juga ditegaskan bahawa tidak ramai di antara mereka yang memahami ideologinya. Apa yang menarik bagi mereka ialah sikap anti-kolonial. Pemimpin-

pemimpin KMM berjaya mengeksploit rasa tidak puas hati orang-orang Melayu kepada keadaan-keadaan semasa. Sebaliknya pemimpin KMM juga tidak senang melihat begitu ramai guru Melayu yang terlibat menjadi anggota Malayan Volunteer Infantry (MVI) atau di Melaka lebih terkenal dengan Malacca Volunteer Corp yang sebahagiannya begitu 'gigih' memertahankan Malaya, yang juga bermakna menyokong British.

Keadaan ini menimbulkan semacam rasa jengkel kepada beberapa anggota KMM yang bergerak sebagai anggota Sayap Kelima Jepun di sini. Seperti di peringkat nasional, ada pensyarah-pensyarah di SITC yang berjawatan tinggi dalam MVI menyebabkan timbul tuduhan yang KMM tidaklah sebenarnya mempunyai organisasi yang baik dan pengaruh KMM di kalangan guru-guru Melayu boleh disangsikan. Atau, di pihak lain, dalam kedudukan begitu ada yang mengandaikan, Ibrahim Yaacob<sup>11</sup> telah 'menjualkan' KMM kepada Jepun tanpa pengetahuan sebahagian besar ahli-ahlinya.

Bagaimanapun, Jepun telah berjaya dalam serangannya ke atas Semenanjung. Buat beberapa ketika anggota-anggota KMM Melaka telah diberi jawatan-jawatan dalam pentadbiran. Sepanjang arus kemaraan Jepun sehinggalah KMM Melaka dibubarkan pada bulan Mei 1942, KMM Melaka berjaya sebanyak sedikit menolong 'melindungi' orang-orang Melayu dari masalah 'keganasan' pentadbiran Jepun dan juga masalah penghidupan. Oleh yang demikian, permintaan-permintaan untuk menjadi ahli KMM Melaka mencurah-curah.

Bagaimanapun, KMM Melaka tidaklah dapat menanam dan mengembangkan terus pengaruhnya kerana kesingkatan masanya bergerak. Sementara itu pemerintahan Jepun tidak mempunyai dasar untuk memerdekakan Semenanjung<sup>12</sup> yang memang pula selari dengan dasar pertandingan merebut tanah-tanah jajahan seperti yang dilakukan oleh kuasa-kuasa Eropah lainnya. Dalam

<sup>11</sup>Mengenai tokoh ini lihat Roff, *Malay Nationalism*, 219-221. Cf. Patriot Malaya di Jakarta (nama samaran), "Kesah Ibrahim Yaacob: Pengkhianat dan Pengecut Malaya yang Berhasil Menipu Penumpin-pemimpin Indonesia dengan Mudah" dalam *Malaya Merdeka*, Bil IV, Tahun IX, March 1963.

<sup>12</sup>Lihat Yoji Akashi, "Japanese Military Administration in Malaya: Its Formation and Evolution in Reference to Sultans, the Islamic Religion and the Moslem-Malays, 1941-45", mimeograf Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978 dan lihat juga Yoichi Itagaki, "The Japanese Policy for Malaya Under the Occupation," dalam K G Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapore, 1962.

perlaksanaan dasar ini, sebenarnya tindakan-tindakan Jepun ditentukan oleh keperluan segeranya bagi mencapai 'kemenangan terakhir'. Untuk kemenangan terakhir itulah Jepun memujuk, menjanjikan atau menindas di mana-mana perlu.

Dalam keperihalan inilah dapat ditafsirkan mengapa badan-badan politik ataupun sosial yang direstui oleh Jepun sering bertukar tangan dalam kepimpinan dan organisasinya. Di Melaka sendiri umpamanya, sebelum KMM Melaka dibubarkan, KMM Melaka pernah bertukar pemimpin kepada:

Yang DiPertua:	Ab. Hamid bin Hj. Abdul (Nazir Sekolah Melayu)
Setiausaha:	Cikgu Sabar Daud
Bendahari:	Hj. Yusuf bin Hj. Sulong (Peniaga)
Jawatankuasa:	Cikgu Md. Yusuf Harun Md. Amin Ab. Hamid Cikgu Yaamat bin Omar Tawi Hamid

Kemudian bila KMM Melaka dibubarkan ditubuhkan pula *Malai Seinin Club* pada bulan yang sama. Beberapa orang Jawatankuasa Agungnya turut berubah - muka-muka baru muncul di samping orang-orang tertentu disingkirkan. Ini dapat dilihat daripada senarai Jawatankuasa pertubuhan ini yang dianggotai oleh:

Yang DiPertua:	Ab. Hamid bin Haji Ab. Majid
Naib Yang DiPertua:	Md. Yusof Harun (Guru)
Setiausaha:	Sabar Daud dan Hassan bin Wahab (Guru dan Maktab Teknik)
Bendahari:	Hj. Abd. Rahman Hj. Othman
Jawatankuasa:	Hashim bin Ab. Majid (Guru) Ali bin Bulat (Guru) Md. Yusuf Hj. Sulong (Peniaga) Md. Dom bin Husin (Guru) Hj. Taib bin Hj. Hashim Kasudin bin Sabjan (Inspektor Polis) Hj. Ab. Rauf bin Hj. Idris (Guru Agama)

*Malai Seinen Club* juga mempunyai wakil pengelola kawasan yang diberi gelaran Pengetua Jajahan. Mereka yang telah dilantik menjadi Pengetua Jajahan ini ialah:

Ahmad Jamal	kawasan	MelakaTengah (Pegawai Pertanian)
Yusuf bin Munji	kawasan	Alor Gajah
Haji Amin Hj. Yusuf	kawasan	Jasin (Sidang)
Haji Mokti Ab. Hamid	kawasan	Merlimau (Kadhi)
Putih bin Hj. Tahir	kawasan	Masjid Tanah

Begitu juga, untuk memberi kesan yang lebih berjaya kepada gerakan *Malai Seinen Club* ini bahagian-bahagian tertentu ditubuhkan dengan pimpinan tokoh-tokoh tertentu. Di antara mereka yang terlibat:

Md. Yusof Harun	bahagian	Dakyah (Guru)
Ahmad Jamal	bahagian	Kebudayaan (Pegawai Pertanian)
Baba Jamudin	bahagian	Pelajaran (Kerani Pejabat Pelajaran)
Md. Nor bin Muhiddin	bahagian	Kesihatan (?)
Embi Abdullah	bahagian	Peniagaan (?)
Ibrahim Ab. Rahman	bahagian	Kampung (?)
Shamsuddin Md. Sin	bahagian	Pertanian (Pegawai Pertanian)
Tambi Chik Nordin	bahagian	Permainan (Guru)
Hj. Ab. Majid	bahagian	Perusahaan &
Hj. Husin.		Perkulian (Penghulu)

Kelab ini kemudiannya telah dibubarkan pada 18 Januari 1943 dan ditubuhkan badan baru yang dinamakan Badan Kebajikan Melayu. Kalau diperhatikan daripada peranan-peranan yang diberikan kepada jawatan-jawatan tersebut jelas Jepun telah mengimbangkan pengaruh golongan guru (radikal) dengan pemimpin-pemimpin tradisional yang agak kurang senang dengan orang-orang radikal sebelum Perang Dunia II. Bila ditubuhkan Majlis Penasihat Negeri dan Badan Kebajikan Melayu Guru-Guru Melayu sudah kehilangan pengaruh dalam jentera pemerintah yang boleh digunakan untuk mempengaruhi rakyat.

Kecuali beberapa orang tokoh KMM, yang inginkan kemerdekaan, zaman Jepun merupakan zaman 'igauan' kerana impian (kalau benar mereka mimpikan merdeka di bawah testu Jepun) telah beransur-ansur menjadi pudar. Dan hal inilah antara lainnya yang menyebabkan terdapat perpecahan antara pemimpin-pemimpin KMM dulu. Sehingga membawa kepada tarikh singgahnya Sukarno-Hatta di Taiping pada 13 Ogos 1945, tidak banyak persepakatan antara mereka yang diketahui.<sup>13</sup>

Bila Jepun menyerah kalah kepada Pihak Berikat pada 14 Ogos 1945, kalau adapun, hanya beberapa orang yang tahu. Bila tentera British mula mendarat di Pulau Pinang pada 3 September 1945, kekosongan kuasa atau *interregnum* telah berlaku hampir tiga minggu. Dalam tempoh inilah telah berlaku rusuhan kaum yang hebat sebagai akibat daripada dasar Jepun, tekanan-tekanan sosial dan ekonomi dan sikap kesombongan bangsa yang melambung. Kejadian ini sekali lagi menjadi igauan politik dan akhirnya menjadi momok politik di Semenanjung ini istimewa kepada pemerintah British.

Berhadapan dengan kegusaran keselamatan istimewanya, masing-masing kaum menyusun pertubuhan untuk menyelamatkan kaum masing-masing. Kepimpinan Melayu jatuh ke tanah 'kiyai-kiyai' yang pandai 'ilmu'. Tetapi, dalam beberapa contoh, kiyai-kayai ini bukanlah orang yang mahir dalam menyusun gerakan politik zaman moden ini. Dengan demikian, mereka menjadi alat-alat pemimpin-pemimpin politik mencari pengaruh. Serentak dengan itu, suara-suara nyaring dipaparkan dalam akhbar-akhbar supaya orang Melayu menghidupkan kembali kesatuan-kesatuan dan sebaik-baiknya bersetupadu dalam pertubuhan yang besar.

Masih belum dapat dipastikan apakah sebenarnya Malay Nationalist Party (Parti Kebangsaan Melayu Malaya) yang ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 itu akibat daripada seruan akhbar-akhbar itu. Bagaimanapun, jelas bahawa ianya parti politik yang bersifat nasional, yang pertama ditubuhkan selepas Perak Dunia II. UMNO ditubuhkan hasil daripada Kongres Kebangsaan Melayu pada 1 hingga 1 Mac 1946 dan kemudian masih kekal sebagai 'parlimen'

<sup>13</sup>Dalam Zaman Pendudukan Jepunlah timbul perpecahan yang ketara antara pemimpin-pemimpin tertinggi KMM seperti Ibrahim Yaacob dengan Pak Sako (Ishak Hj. Muhammad), Mustapha Hussein bahkan ada khabar perbezaan-pergeseran Ibrahim Yaacob dengan Onan Hj. Siraj. Kenyataan ini hasil daripada temubual dengan beberapa tokoh KMM yang penting dan mereka yang pernah mengenali Ibrahim Yaacob.



Melayu di mana seluruh parti politik Melayu bernaung. Sehingga awal 1948, baharulah UMNO menjadi satu parti politik khas walaupun menghadapi banyak halangan daripada komponen-komponannya.

PKMM dan UMNO dengan itu merupakan dua jentera politik yang bertanding merebut kuasa -menunjukkan kekuatan mereka. Sangat penting di sini diberi gambaran umum mengenai cita-cita perjuangan kedua-dua parti ini kerana hal ini yang menarik kepada orang ramai menyokongnya. Dalam kata lain, cita-cita politik yang diisi dengan harapan kemajuan/kebaikan di samping cara memimpin merupakan umpan-umpan politik yang mengghairahkan.

PKMM sejak awalnya memperjuangkan cita-cita Melayu Raya atau Indonesia Raya yang berteraskan faham kedaulatan rakyat di mana susunan ekonominya berdasarakan sosialisme. Mereka dengan tegas dan menuntut kemerdekaan dengan segera. Perjuangan UMNO pula boleh dibahagikan kepada dua tahap. Tahap pertamanya, dalam istilah yang paling progresif, dapat dikatakan mahu berkerajaan sendiri dahulu kemudian baharulah merdeka. Tahap ini telah berlaku antara 1946 hingga 1951. Tahap kedua, 1951 hingga menjelang pilihanraya boleh dianggap sebagai tahap perjuangan untuk merdeka. Dalam perspektif yang beginilah ditinjau keterlibatan guru-guru Melayu Melaka selepas ini.

Sebenarnya, keterlibatan guru-guru atau sesiapaapun orang Melayu dalam masa segera selepas Perang banyak diakibatkan faktor siapa yang telah menunjukkan sikap-sikap dan tindakan patriotik terhadap bangsanya berhdapan dengan kemelut zaman itu. Kemudian sejauhmana ianya dapat memberi perlindungan dan sejauh mana pula ia mengenali pemimpin itu secara peribadi. Hal ini amat penting diinsafi kerana zaman itu zaman selepas Perang dan keadaan serba mengelirukan.

Di Melaka, bila beberapa kesatuan-persatuan tumbuh atau hidup kembali terdapat tiga organisasi politik yang besar iaitu Kesatuan Melayu Melaka,<sup>14</sup> Pergerakan Melayu Semenanjung,

---

<sup>14</sup>Kesatuan Melayu Melaka ialah Parti Politik yang dihidupkan kembali selepas Perang Dunia II oleh Haji Talib Karim, Md. Ali Salleh, Cikgu Jati Ahmad dan lain-lain berdasarkan kesatuan itu yang ditubuhkan pada 1937. Keterangan lanjut, lihat Abdullah Mohd., Dom. "UMNO Melaka 1946-1973", Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978/79

Melaka<sup>15</sup> dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya dengan anak-anak partinya API dan AWAS, Cawangan Melaka. Istimewa dalam Pergerakan Melayu Semenanjung, Melaka (PMS Melaka) dan PKMM Melaka peranan guru-guru Melayu Melaka memanglah jelas walaupun tidak dapat dikatakan sebagai dominan. Eloklah disenaraikan pemimpin parti-parti itu yang secara umumnya memimpin kedua-dua parti hingga lebih kurang 1950.

Parti PMS Melaka banyak menerima pimpinan Ahmad Jamal, Muhammad Ali bin Muhamad (Alimin-Guru), Hj. Mokti Ab. Hamid, Yahaya Husin, Jasmy Hamid, Sudin Ab. Rahman, Mohd. Jadi Lahom (Guru), Md. Dali Jamak (Guru), Bujang Madun (Guru), Husin Manaf (Guru), Mohd. Said bin Hj. Nong, Hj. Ahmad Amin dan lain-lain. Pusat gerakan awal mereka di Jasin, Melaka kerana presidennya Hj. Ahmad Jamal berkhidmat sebagai Pegawai Pertanian di Jasin. PMS telah diserapkan dalam UMNO yang mesyuaratnya diadakan di Jasin pada Mac 1948.

Sementara itu PKMM Melaka lebih banyak dipimpin oleh tokoh-tokoh KMM dulu. Antara yang terkemuka di kalangan mereka Kiyai Hj. Hashim (Penasihat Kehormat) Abdul Hamid Abdul (Bekas Nazir Sekolah-Sekolah Melayu), Abdul Hai Abdul Hadi, M. Mustaza, Karim Bakar, Cikgu Ahmad bin Abdul Rahman, Cikgu Othman Shawal, Cikgu Ghani Ishak, Cikgu Abdul Ghafar Baba, Jaafar Tan, Bahari Wahid, Ahmad Daud, Ustaz Md. Zin, Cikgu Md. Jahi Shahabuddin dan lain-lain. Agak menarik juga dicatitkan bahawa ramai di antara pemimpin kiri ini adalah bekas orang penting dalam zaman Jepun. Boleh juga ditegaskan di sini bahawa lebih ramai di kalangan guru Melayu Melaka menganggotai Parti Kiri daripada mengikuti UMNO.

Politik Melayu Melaka selepas Perang Dunia II secara kasarnya tidaklah mempunyai keganjilan tertentu dari aspek persoalannya (seperti sifat kedaerahan) dalam politik nasional. Hal ini mungkin sekali akibat daripada terkedepannya Melaka dalam masalah nasional. Sementara itu jalinan hubungan Melaka dengan seluruh Tanah Melayu mudah. Kalau adapun jurangnya memang boleh dikatakan kecil. Oleh yang demikian, persoalan politik Melaka boleh dianalisa berpandukan persoalan politik nasional.

<sup>15</sup>Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka lebih banyak menerima ilham Pergerakan Melayu Semenanjung Johor penumpun Datuk Onn bin Jaafar. Lihat juga *ibid.* 12. untuk keterangan lebih lanjut.

Seperti dalam politik nasional, arena politik Melayu sekurang-kurangnya sejak Mei 1946 hingga April 1950<sup>16</sup> merupakan zaman pergelutan mencari pengaruh antara PKMM dengan UMNO. Secara rasminya, PKMM meninggalkan UMNO pada akhir Jun 1946. Tetapi pergelutan itu memang sengit, yang dalam banyak hal UMNO lebih agresif menyerang PKMM istimewa pada peringkat nasional. Bagaimanapun di Melaka, UMNO tidaklah segarang UMNO nasional dalam pertandingan itu. Hal ini mungkin kerana beberapa orang tokoh UMNO sendiri 'menghormati' dan kadangkadangkang dikenali sebagai pejuang dalam Parti Kiri.<sup>17</sup> Sementara itu, mungkin kerana unsur keterlibatan guru dalam kedua-dua organisasi itu menyebabkan pergeseran itu tidak terlalu buruk.

Bagaimanapun, sejauh guru Melayu terlibat dalam politik, di Melaka guru-guru Melayu yang menjadi ahli UMNO lebih selamat kedudukannya daripada guru-guru Melayu yang menganggotai Parti Kiri. Kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh guru-guru istimewa yang Kiri disiasat, dipindah-pindahkan, diekori dan bila tiba masanya ditahan sebagai tahanan politik. Kedapatan juga sikap pemerintah masa itu yang keras sehingga menyebutkan perkataan 'saudara', 'wanita', 'bong' pun terlarang digunakan di sekolah. Jauh sekali untuk menyebutkan 'merdeka' atau menyanyikan lagu Indonesia Raya yang memang pula kedapatan diajarkan di sekolah-sekolah oleh guru-guru yang berfahaman Kiri.

<sup>16</sup>Mei 1946 ialah tarikh perasmian UMNO di Johor Bharu dan April 1950 Parti Kebangsaan Melayu Malaya di gezetkan sebagai parti politik yang diharapkan di Persekutuan Tanah Melayu. Lihat, G.P. Means, *Malaysian Politics*, London, 1970, 119. Pergeseran UMNO-PKMM yang amat sengit berlaku antara penghujung 1948 atas ke saat pengisytiharan darurat Jun 1948 atas persoalan-persoalan penubuhan dan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Perlembagaan Rakyat, persoalan keterlibatan Parti Komunis Malaya dengan PKMM, tuduhan "musuh turun dari gunung dan dari dalam bumi" serta Hizbul Muslimin. PKMM telah selamat dari pengharaman kerana sebahagiannya usaha Mustapha Hussein dan Doktor Burhanuddin al-Helmy menemui dan menerangkan perjuangan PKMM kepada pihak berkuasa. Temubual April dan Mei 1978 dengan Mustapha Hussein.

<sup>17</sup>Umpannya Tuan Haji Mukti bin Abdul Hamid dikenali sebagai ahli PKMM oleh pemimpin PKMM Selangor Haji Ahmad Amin, ahli Jawatankuasa Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka adalah wakil Hizbul Muslimin dan Majlis Islam Tertinggi Melaka. Mengenai Hj Ahmad Amin (Ahmad Janggut). Lihat Abdul Azizi Mat Ton, "Gerakan Ansarul Sunnah dalam Kegiatan Kaum Muda Melaka", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972/73. Sementara itu kalangan guru juga menghorami Encik Abd. Hamid bin Abdul, bekas penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu Melaka yang sangat radikal politiknya dan menjadi penumpun PKMM Malaya dan Melaka. Kata-kata Ab. Hamid Abdul yang masih ramai diingat oleh orang Melaka ialah "Kering Selat Melaka dan rata Gunung Ledang menjadi paya, British tidak kembali semula ke Malaya".

Ada juga rahmatnya guru-guru Melayu menyertai UMNO Melaka masa itu kerana dengan jasa baik Datuk Onn, yang menjadi Yang DiPertua UMNO. Lebih 200 orang guru dikatakan telah selamat daripada diserkup oleh pemerintah untuk ditahan dengan syarat mereka menyertai/menjadi ahli UMNO.<sup>18</sup> Selain daripada itu, dikatakan tidak lama selepas diadakan Mesyuarat Agung KPGMS pada bulan September, 1949 di mana Datuk Onn telah merasmikannya, gaji guru-guru Melayu telah dinaikkan sebagaimana yang dijanjikan oleh Datuk Onn.<sup>19</sup> Maka ramailah guru yang mempunyai basikal Raleigh bahkan ada yang bermotokar.<sup>20</sup>

Bila darurat diistiharkan pada Jun 1948, anggota-anggota Parti Kiri menghadapi masalah bergerak yang lebih rumit. Sebahagian anggota Parti Kiri termasuk beberapa orang guru telah masuk hutan memanggul senjata mungkin memenuhi sumpah mereka yang diabadikan sebagai cinta kepada tanahair, yang mengatakan 'pemuda biar lebur asal tanahair luhur' atau memenuhi janji untuk 'merdeka dengan darah'.<sup>21</sup> Sebahagian pula telah ditahan sebagai tahanan politik. Tetapi mereka ini kebanyakannya terdiri daripada pemimpin-pemimpin kecil dalam politik Melaka. Sementara yang lainnya, mungkin mengambil sikap 'tunggu dan lihat'.

UMNO Melaka pula, sejak 1948 tidaklah terlalu konservatif dalam perjuangannya. Unsur-unsur yang agak radikal sudah agak jelas pada matlamat perjuangannya membela nasib orang Melayu. Ahmad Jamal<sup>22</sup> dan 'orang-orang kuatnya' begitu gigih dengan motorsikalnya ke sana ke mari istimewa dalam daerah Jasin

<sup>18</sup>Lihat artikel "Kenangan-kenangan" oleh Md. Nor Ab. Hamid dalam KPGMS 20 Tahun, Seremban, 1966, 18-19.

<sup>19</sup>Temubual dengan Haji Ahmad Jamal pada Mac 1976.

<sup>20</sup>Pendapat beberapa orang yang ditemubual. Penggunaan indeks basikal Raleigh dan motokar untuk membayangkan nilai ekonomi penghidupan barang lumayan zaman 1940-an dan 1950-an. Basikal Raleigh pada masa itu dapat dimisalkan sebagai Vespa/motosikal sekarang yang biasanya menjadi idaman anak muda yang berpendapatan tetap dan sederhana.

<sup>21</sup>Pengucapan biasa 'orang perjuangan' istimewa yang Kiri di alam pilato dan tulisan Ungkapan "Merdeka dengan Darah" adalah motto API seperti yang terdapat pada buku Testament Politik Api yang ditulis oleh Ahmad Boestaman, yang menyebabkan API diharamkan.

<sup>22</sup>Haji Ahmad Jamal dilahirkan di Alor, Melaka pada 5 April 1905. Berpendidikan Melayu dan melanjutkan pelajaran ke High School, Melaka pada 1919 dan lulus Overseas School Certificate pada 1925. Kemudian belajar di Maktab Pertanian Serdang, Selangor. Banyak juga bergiat dalam gerakan-gerakan sosial. Keterangan lanjut lihat, Ab. Aziz Mat Ton, "Gerakan Ansarul Sunnah", Mohamad bin Ismail, "Keadaan Sosial Orang-Orang Melayu Sebelum Perang di Melaka". Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972/73. Pandangan politik Ahmad Jamal mengenai perpaduan orang Melayu yang diucapkan semasa menubuhkan UMNO Melaka pernah disanjung oleh Rencana

menubuh dan menggerakkan UMNO walaupun menghadapi tekanan-tekanan politik pemerintah. Kerana sikapnya yang agak liberal tidak ramai orang yang kekiri-kirian memusuhi beliau. Bagaimanapun, menjelang 1950 (?) beliau telah ditukarkan ke Pahang.

Ada kemungkinan kesan daripada kepimpinan politik yang begini membuatkan ramai juga pemimpin kiri di Melaka tidak begitu cerewet atau berbelah hati untuk menyerapkan perjuangannya ke dalam UMNO. Begitu juga, mungkin alasan itu boleh digunakan untuk mencari alasan mengapa ahli-ahli UMNO dengan mudah menerima bahkan menyokong orang-orang Kiri menjadi pemimpin-pemimpin mereka. Dan tidak juga mustahil UMNO di beberapa buah negeri telah diresapi oleh orang-orang radikal hingga mengubah cogan UMNO dari 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'. Dalam tahap darurat, menjelang peninggalan Datuk Onn dari UMNO kerana beliau menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP), kecuali parti-parti kenegerian, UMNOlah sahaja tempat orang Melayu bergerak dalam politik yang bersifat nasional.

Menjelang 1951, bila muncul Tunku Abdul Rahman Putera, UMNO Malaya mendapat tokoh baru yang menarik pada zamannya. Orangnyanya dikatakan *humble*, berijazah dan yang mungkin lebih menarik jolokan terhadap dirinya sebagai 'Hamangku Bowono Malaya'. Tunku sendiri mempunyai rekod peribadi dalam memimpin rakyat di negerinya yang boleh dianggap cemerlang. Tektik-tektik politiknya seperti membela kes Natrah, memperjuangkan nasib tahanan darurat, masalah bahasa Melayu dan nasib bangsa Melayu sendiri telah menyerlahkan namanya. Satu tektik yang agak menarik dan tegas segera dijalankan oleh Tunku sebagai pemimpin politik ialah mengenakan disiplin parti. Dengan itu, secara beransur-ansur UMNO Malaya telah berjaya menghadapi musuh-musuhnya menjelang 1955.

---

Pengarang Utusan Melayu yang antara lain beliau menyebutkan "Dalam perkara ini [perjuangan politik orang Melayu] hendaklah dijauhkan perasaan cerca-mencerca dan menentang batang tubuh seseorang. Saya percaya tidak ada seorang pun orang Melayu yang suka duduk dibawah pemerintah orang lain sungguhpun ada orang di bawah pemerintah sendiri". Lihat Ladah Pengarang *Utusan Melayu*, 2 April 1948, bertajuk "Mencari Jalan Berbaik-baik Sangka". Menurut Ahmad Jamal, dalam temubual penulis yang terakut dengannya, beliaulah yang membawa Encik Abdul Ghabar Baba ke dalam UMNO setelah berdamai dengan Haji Ahmad Anun dalam kelas agama di rumah Ahmad Jamal sendiri di Bukit Cina, Melaka.

Tidak kurang pentingnya dalam peristiwa di Melaka ialah kemasukan Encik Abdul Ghafar bin Baba dan kawan-kawannya seperti Cikgu Ahmad Abd. Rahman, Cikgu Ab. Ghani bin Ishak, Cikgu Othman bin Shawal beserta tokoh PKMM lainnya seperti Hasnol Hadi, Sharif Sukkar, dan lain-lainnya. Cikgu Ghafar bin Baba dikatakan orang yang banyak memainkan peranan yang penting menarik guru-guru-guru Melayu Melaka menganggotai UMNO Melaka. Harulah diakui bahawa dalam politik dan peribadi, beliau seorang yang bijak dan licik. Politikanya sehingga pilihanraya 1955 begitu licin.

Susah sekali untuk menalikan apa yang sering dikatakan oleh ahli-ahli politik Melaka bahawa politik Melaka untuk beberapa lama adalah 'Politik Ghafar' yang seolah-olah sama ertinya dengan 'Politik Guru-Guru Melayu'. Dalam pembicaraan yang amat terhad ini tidaklah dapat diperincikan kegiatan-kegiatan politik itu. Namun beberapa perkara penting bagaimana peranan guru-guru Melayu itu telah menjadi amat berkesan perlulah ditegaskan.

Harus ditegaskan bahawa semenjak perubahan slogan UMNO daripada 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka', perjuangan orang Melayu sudah menjadi 'mabuk merdeka'. Dalam banyak hal, isu-isu politik Melayu masa itu adalah satu *synchronized* politik Kanan dan Kiri tahun-tahun 1946-48 kecuali dalam cita-cita politik Melayu Raya dan pembinaan negara sosialisme. Begitupun imbas-imbas perjuangan itu tidaklah hilang samasekali.

Hal ini sebanyak sedikit memang ada hubungan dengan fahaman guru-guru Melayu yang berpengaruh di Melaka. Apa yang menjadikan guru-guru Melayu lebih penting mungkin seperti kata Encik Ghafar Baba:

Merdeka wajib kita capai, dengan bekerja bersungguh-sungguh tidak kira siang dan malam dan tidak kenal susah dan penat, tidak mengenal payah, puji dan keji.  
Menurut pandangannya lagi.

UMNO Bahagian Melaka yang menjadi nyawa ikan dahulu kini menjadi bahagian yang hidup.<sup>21</sup>

Penjelasan lanjut yang diperlukan dari petikan ini ialah ungkapan 'bekerja bersungguh-sungguh tidak kira siang

<sup>21</sup>Lihat *Malaya Merdeka* 1.8.53 sebagaimana yang dipetik oleh Abdullah Mohd. Doll UMNO Melaka 1946-1973.56

dan malam' itu. Siapakah yang boleh bekerja demikian? Mereka itu ialah guru-guru yang perkhidmatan rasminya (waktu pejabat) dari lebih kurang 7.30 pagi hingga 1.30 tengahari. Selepas itu mereka boleh menghabiskan masanya di pejabat parti. Kelahiran satu kelompok yang status sosialnya serupa dan relatif besarnya daripada kelompok lain membuka peluang mereka membina satu *conspiracy* politik yang kukuh strukturnya. Kedudukan sosial mereka yang agak 'inferior' dalam konteks birokrasi kolonial, akibat sebab musabab yang 'diwariskan' telah mendorong mereka menjadi radikal dan lebih berani. Walaupun tidak ramai yang cukup berani, tetapi boleh dipercayai golongan merekalah yang lebih ramai berani dalam perjudian politik masa itu.

Seterusnya, apabila menjelang pilihanraya, bertaburanlah guru-guru Melayu ke ceruk rantau negeri bercakap dengan rakyat jelata di mana mereka sampaikan dengan bahasa yang dimengerti oleh orang tempatan. Di masjid-masjid mereka bersama-sama calun mereka turut berjumaah pada hari Jumaat. Selepas sembahyang ada syarahan politik. Pada waktu yang lain pula, hingga larut malam mereka berada di podium berkempen. Ada pula antara mereka yang berjalan dari rumah ke rumah memujuk orang ramai mengundi parti yang diwakili mereka.

Kempen politik masa itu, istimewa bagi parti Perikatan, ialah kemerdekaan. Istilah kemerdekaan menjadi kata-kata hikmat dan keramat yang berintikan makna segala yang indah, kesenangan-kemewahan, kebahagiaan masa depan; jika berjaya. Sebagai kebalikan atau kontras dari kata keramat itu dibayangkan penderitaan rakyat akibat penjajahan. Pernah diumpamakan bahawa penghidupan rakyat jelata zaman kolonial sebagai lebih buruk daripada penghidupan seekor anjing pegawai estet bangsa Eropah. Kadang-kadang di kalangan mereka (guru-guru), kerana begitu bersemangatnya untuk merdeka, mereka menjadi pemimpin tukang sorak mengejak kempen-kempen parti lawan yang masih belum percaya kemampuan negara ini untuk mencapai kemerdekaan.

Begitulah sedikit lebih kurang gambaran kemuncak perkembangan politik untuk mencapai kemerdekaan melalui Pilihanraya yang pertama. Dalam keadaan itu, mungkin dapatlah dijelaskan kata-kata Tunku yang dipetik di awal tulisan ini.

## **Penutup**

Politik sebahagian besar maknanya adalah berhubungan dengan pentadbiran yang juga melibatkan (pada ertinya) kuasa untuk membuat dasar dalam pentadbiran istimewa sesebuah negara.

Sedangkan kuasa pula didapati oleh seorang individu atau kumpulan bergantung kepada kemampuannya menguasai sumber-sumber tenaga. Dari beberapa sumber tenaga yang penting, sumber tenaga manusia adalah antara yang paling berharga dalam politik. Sesiapa yang menguasainya maka ia akan menjadi orang yang berkuasa.

Dalam menilai keterlibatan guru-guru Melayu istimewa dengan rujukan sejarah di Melaka,<sup>24</sup> analisa serupa di atas boleh digunakan. Seperti yang dapat disaksikan, perkara utamanya golongan mereka secara relatifnya besar jika dibandingkan dengan golongan lain yang sepangalaman sejarahnya. Keterlibatan mereka dalam penghidupan rakyat di kampung-kampung, walaupun tidak semua, telah membinakan satu jalinan hubungan yang penting. Oleh yang demikian, mereka tidak mempunyai jurang pemisahan yang tebal. Mungkin lebih penting lagi, bahasa mereka dapat difahami oleh rakyat jelata. Unsur-unsur ini semua menjadikan golongan guru Melayu orang yang berpengaruh atau dalam kata lain, dapat menarik/menguasai rakyat jelata. Golongan ini pula, dalam konteks politik yang diperkatakan sekarang, dapat dikuasai oleh Perikatan dengan cara-cara mereka yang tersebut di atas. Dan mereka berjaya dalam pilihanraya itu. Dalam konteks politik moden, kemenangan itu bererti mendapat mandat dari rakyat yang seterusnya memberi kuasa untuk memerintah. Maka jadilah mereka orang yang berkuasa dalam politik setempat dalam tempoh tertentu.

Sejauh mana kekuatan dan berkesannya politik guru-guru Melayu dalam perjuangan politik Melayu selepas itu adalah di luar tugas tulisan ini menjawabnya. Sebagai ulasan terakhir, mungkin bukan di luar skop tulisan ini kalau dikatakan, bahawa guru-guru Melayu itu bukanlah dilatih untuk menjadi ahli politik tetapi keadaan-keadaan atau tekanan-tekanan zaman telah mengheret mereka ke sana. Dengan itu mereka mempunyai jastifikasi yang tersendiri dalam hal ini.

---

<sup>24</sup>Secara umumnya gejala politik guru-guru Melayu seperti di Melaka ini adalah tidak begitu jauh bezanya dengan gejala dan peranan mereka di kebanyakan Negeri-Negeri Bersekutu di mana jumlah mereka agak besar. Oleh itu peranan mereka dikalangan masyarakat Melayu adalah menjolok. Bagaimanapun, di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pengaruh elit pendidikan Inggeris dapat membayangi pengaruh mereka.